

Serang Iraq: Dr. M jelas pendirian kita

UM 26 FEB 2002

LONDON 25 Feb. — Rancangan Amerika Syarikat (AS) untuk menyerang Iraq dalam apa yang dianggap sebagai fasa kedua memerangi keganasan akan kelihatan seperti menentang negara-negara Islam sekiranya tiada usaha menyelesaikan isu Palestin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebelum sesuatu tindakan diambil, dunia Barat wajar mengambil kira perasaan dan pandangan masyarakat Islam dan tidak hanya pandangan kerajaan sahaja.

Beliau menyampaikan pandangan Malaysia dalam pertemuan hampir satu jam dengan Perdana Menteri Britain, Tony Blair di No. 10 Downing Street, di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Dr. Mahathir berkata, beliau memberitahu Blair bahawa rancangan menyerang Iraq adalah kurang bijak jika tiada usaha mengimbangnya dengan masalah Palestin.

Menurut Perdana Menteri, kalau tidak boleh menyelesaikan isu Palestin, Barat tidak harus mengenakan tekanan ke atas Iraq kerana ia boleh dilihat seperti menentang negara-negara Islam.

Ditanya mengenai reaksi Tony Blair, Dr. Mahathir berkata, rakan sejawatnya nampak bersedia menerima pandangan Malaysia dan yakin pandangan yang dibincangkan itu akan disampaikan kepada Presiden George W. Bush yang akan ditemuinya tidak lama lagi.

“Dalam pertemuan itu banyak perkara turut dibincangkan. Selain strategi memerangi keganasan dan perlunya mengambil kira pandangan negara-negara Islam, isu Palestin mesti diberikan perhatian yang sewajarnya.

“Yang penting mereka mesti menghentikan pertempuran-pertempuran di Palestin,” jelasnya.

Kata Dr. Mahathir, walaupun soal definasi keganasan tidak dibincangkan tetapi secara tidak langsung beliau telah bercakap mengenainya.

Perkara-perkara mengenai hubungan dua hala turut sama

menjadi topik perbincangan kedua pemimpin.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, beliau te-

lah menyuarakan perlunya Britain menyediakan kemudahan pendidikan kepada rakyat Malaysia selain lebih banyak

universiti-universiti di sini mengadakan program berkembar dengan institusi pengajian tinggi di Malaysia. — *Utusan*